

22 JUN 2002

Mahathir-Saleha

KAKAK IPAR PM YANG BERKERUSI RODA DAYA BERJALAN KERANA TERKEJUT

KUALA LUMPUR, 22 Jun (Bernama) -- Kakak ipar Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, Datuk Saleha Mohamed Ali yang selama ini berkerusi roda kerana tidak begitu kuat untuk berjalan, bingkas bangun mendapatkan Perdana Menteri sebaik mendengar pengumumannya meletakkan jawatan sebagai presiden Umno.

Anggota Majlis Tertinggi (MT) Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata Saleha amat terkejut dan terus bangun berjalan menemui Dr Mahathir dalam bilik tempat presiden parti itu dipujuk.

Saleha telah bangun dan berjalan untuk bertemu dengan Dr Mahathir dalam bilik tempat Perdana Menteri dipujuk supaya menarik balik keputusan meletakkan jawatan yang diumumkannya semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno hari ini.

Aziz berkata beliau bertanya kepada Saleha bagaimana beliau boleh dan daya berjalan, Saleha menjawab: "Ya..ya...I benar-benar terkejut".

Saleha, kakak kepada Datin Seri Dr Siti Hasmah dan seorang daripada pengasas Kaum Ibu (kemudian menjadi Wanita Umno) menghadiri perhimpunan agung Umno sebagai anggota veteran.

Aziz yang juga Timbalan Menteri Pendidikan berkata, beliau yang mengenali Dr Mahathir sejak 27 tahun dan pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Politik kepada Perdana Menteri, juga berasa amat terperanjat.

"Beliau (Dr Mahathir) tidak pernah memberi sebarang isyarat untuk membuat pengumuman itu dan saya tahu bahawa beliau serius ketika membuat pengumuman itu", kata beliau.

Bekas Ketua Penerangan Umno Datuk Mustapa Mohamed ketika ditemui enggan memberi sebarang komen dan berkata dalam keadaan sebak: "Saya nak cakap pun dah tak boleh."

Anggota MT Tengku Razaleigh Hamzah juga kelihatan turut terharu tetapi masih berdaya untuk menenangkan seorang anggota Umno yang amat sedih.

-- BERNAMA

AZE ZS RHM